

MERAIKAN PERPADUAN & PATRIOTISME: 34 KAWASAN REHAT SEMARAKKAN SUASANA MERDEKA KEPADA PENGGUNA LEBUH RAYA

Petaling Jaya, 30 Ogos 2023:- Pengguna lebuh raya yang singgah di kawasan rehat dan rawat (R&R) di semua lebuh raya kendalian PLUS Malaysia Berhad (PLUS) berpeluang merasai kehangatan sambutan Hari Kebangsaan Malaysia yang ke-66 apabila 34 R&R sepanjang Lebuhraya PLUS dihiasi dengan pelbagai hiasan menarik bertemakan kemerdekaan negara pada ketika ini.



Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar berkata, "Bersempena sambutan Bulan Kebangsaan negara, PLUS menganjurkan Pertandingan Kawasan Rehat dan Rawat Berhias Terbaik yang bertemakan 'Tekad Perpaduan Penuhi Harapan'. Ini bagi menyemarakkan semangat patriotisme dan memperkuatkan perpaduan, selari dengan konsep Malaysia Madani, di kalangan pengguna lebuh raya di kawasan rehat di semua rangkaian Lebuhraya



PRESS RELEASE

PLUS. Dalam pertandingan ini, sebanyak 34 R&R termasuk hentian sebelah dan restoran jejantas sepanjang Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) mengambil bahagian.”

Dalam pertandingan yang telah dianjurkan sejak tahun 2000 ini, setiap kawasan rehat yang bertanding akan dihias mengikut kreativiti rakan-rakan niaga PLUS dengan menggunakan bahan-bahan yang dikitar semula. Pertandingan ini sedang berlangsung sehingga 16 September ini.

Tambah beliau, “Juara pertandingan ini akan memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM10,000. Manakala pemenang-pemenang naib juara dan tempat ketiga masing-masing membawa pulang wang tunai RM8,000 dan RM6,000. Pemenang tempat ke empat pula membawa pulang wang tunai RM5,000 dan tempat kelima RM4,000. Sementara itu, Anugerah Khas Juri pula bakal membawa pulang wang tunai RM2,000.”


“Pengguna lebuh raya yang singgah sepanjang kawasan rehat PLUS bukan sahaja berpeluang untuk berehat seketika dan menjamu selera. Malah, mereka sendiri boleh merasai keceriaan dan kemeriahannya sambutan Bulan Kebangsaan negara di kawasan rehat kami. Kami amat menghargai sokongan rakan niaga kami di R&R yang bekerjasama erat bersama kakitangan pejabat seksyen PLUS bagi menghasilkan hiasan kawasan rehat yang sangat kreatif bagi mewujudkan suasana Hari Kebangsaan di kalangan pengunjung,” jelas Datuk Nik Airina.

Malah, Ibu pejabat PLUS di Persada PLUS turut dihiasi dengan sebuah Jalur Gemilang Gergasi (berukuran 40 kaki tinggi dan 80 kaki lebar) yang boleh dilihat dengan jelas dari Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) bagi menüp semangat patriotisme di kalangan pengguna harian lebuh raya tersebut. Selain itu, bangunan plaza tol di beberapa plaza tol terpilih di lebuh raya juga dihiasi dengan Jalur Gemilang oleh warga PLUS.

Selain itu, PLUS turut menganjurkan Peraduan InstaFoto #KibaranMalaysiaKuGemilang menerusi media sosial Instagram @PLUS_Malaysia sepanjang sambutan Bulan Kebangsaan ini. Peraduan ini mengajak orang ramai untuk memuat naik gambar atau swafoto paling menarik bersama Jalur Gemilang atau hiasan bertemakan Hari Kebangsaan di mana-mana lokasi yang selamat sepanjang Lebuhraya PLUS dan LPT2 berserta kapysen menarik berkaitan tema kemerdekaan.

“Pemenang peraduan InstaFoto PLUS ini berpeluang membawa pulang hadiah utama Apple Watch Series 8 dan 5 hadiah saguh berupa Airpods (3rd Generation) jenama Apple dengan jumlah keseluruhan kira-kira RM6,500,” tambah beliau.

“Dengan sambutan Bulan Kebangsaan ini, PLUS berharap ia akan mampu memupuk rasa perpaduan dan semangat cintakan negara di kalangan rakyat Malaysia. Bukan sekadar meraikan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, ini juga merupakan satu peluang untuk para pengguna Lebuhraya PLUS menunjukkan rasa bangga sebagai anak Malaysia,” akhiri beliau.



Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad (PLUS) Datuk Nik Airina Nik Jaffar bersama barisan pengurusan kanan dan warga PLUS mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan kepada semua rakyat Malaysia

-TAMAT-

CELEBRATING UNITY & PATRIOTISM: 34 REST AREAS BRING A MERDEKA VIBE TO HIGHWAY TRAVELLERS

Petaling Jaya, 30 August 2023:- In a vibrant homage to Malaysia's 66th National Day, highway travellers breaking their journey at PLUS Malaysia Berhad's (PLUS) rest and service areas (R&Rs) are being treated to an immersive celebration of the nation's independence. In a collective effort, 34 R&R locations along the PLUS Highways have been adorned with captivating decorations, radiating the festive spirit of Merdeka.



The initiative is a testament to PLUS' commitment to fostering patriotism and solidarity. Datuk Nik Airina Nik Jaffar, the Managing Director of PLUS affirmed, "In honour of the National Month festivities and aligned with the National Day theme, 'Tekad Perpaduan Penuhi Harapan', PLUS



PRESS RELEASE

proudly presents the Best Merdeka Decorated Rest and Service Area Competition. This move aims to evoke a sense of pride and harmony, in line with the Malaysia Madani concept, among highway users across all PLUS Highways, encompassing 34 R&Rs, including lay-bys and overhead bridge restaurants (OBR), including Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2)."

A cherished tradition since its inception in 2000, this competition encourages creativity and resourcefulness, as each R&R decorates its premises using recycled materials. The competition takes place until September 16.

Datuk Nik Airina elaborated, "The winning rest area will walk away with a cash prize of RM10,000. The first and second runners-up will earn RM8,000 and RM6,000, respectively. The fourth-place winner will receive RM5,000, while the fifth-place will be granted RM4,000. A Special Jury Award awaits, with a prize of RM2,000."

"The PLUS R&R visitors are not only invited to rest and dine but also to immerse themselves in the exuberance of the National Month festivities at our rest areas. Our credit goes to the dedicated business partners at the R&R for collaborating with PLUS section office teams in crafting intricate decorations that inspire a National Day ambience," she expressed.

Beyond the R&Rs, the Persada PLUS proudly bears a Giant National Flag, measuring an impressive 40 feet in height and 80 feet in width, visible from the New Klang Valley Expressway (NKVE). This monumental sight aims to ignite patriotism among daily highway users. Additionally, selected toll plazas have been adorned with the Jalur Gemilang by Warga PLUS.

Complementing the celebrations, PLUS introduces the InstaFoto Contest #KibaranMalaysiaKuGemilang on Instagram @PLUS_Malaysia, extending throughout the Merdeka Month. This interactive contest encourages participants to share captivating photos or selfies alongside the Jalur Gemilang or National Day-themed decorations in safe locations along the PLUS Highways and LPT2. Entrants are invited to pair their submissions with inspiring captions that embody the spirit of independence.

Datuk Nik Airina added, "The winners of the PLUS InstaFoto contest stand a chance to win the grand prize of an Apple Watch Series 8, along with five consolation prizes of Apple AirPods (3rd Generation), collectively valued at approximately RM6,500."

Datuk Nik Airina concluded, "Through these initiatives, PLUS aims to cultivate unity and a profound love for the nation among Malaysians. This endeavour transcends the commemoration of National Day and Malaysia Day, serving as an opportunity to showcase unwavering national pride."